

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM**

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengubah suai pelantar minyak yang dinyahtarkan oleh Petronas kepada Pengkalan Hadapan Laut untuk kegunaan agensi seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera laut Diraja Malaysia (TLDM) bagi tujuan menjaga keselamatan Pantai Timur Malaysia seperti mana yang pernah dibuat terhadap Pengkalan Laut Tun Sharifah Rodziah di Timur Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga kini Kerajaan tiada perancangan untuk mengubahsuai atau menggunakan pelantar minyak yang dinyahtarkan oleh Petronas dengan mengambil kira risiko keselamatan dan juga kekangan anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sedia ada bagi tujuan menjaga keselamatan dan kerja-kerja penyelenggaraan di pelantar minyak tersebut.

Selain itu, kos senggaraan pelantar juga adalah tinggi dan akan membebankan kewangan Agensi. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui APMM, Jabatan Polis Marin dan agensi-agensi penguatkuasaan di laut yang lain sentiasa menjalankan tugasan membuat rondaan dan kawalan keselamatan perairan di Pantai Timur Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI TUAN GURU HAJI ABDUL
HADI AWANG**

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terkini bagi menyelesaikan isu lambakan pekerja asing di negara ini yang sudah menjalar kepada isu keselamatan dan jenayah dan sejauh mana keberkesanan tindakan tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), sehingga 31 Mei 2019, jumlah pekerja asing yang telah dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif di Malaysia adalah seramai 2,059,382 orang. Jumlah ini masih terkawal berdasarkan unjuran keperluan pekerja asing yang disasarkan pada tahun 2020 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu sebanyak 2.34 juta orang pekerja asing.

Walau bagaimanapun, menyedari terdapatnya kemungkinan bahawa pekerja asing yang pada awalnya memasuki negara ini secara sah dan kemudiannya menjadi pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil langkah untuk memerangi PATI secara berterusan melalui penghasilan pelan strategik penguatkuasaan PATI yang lebih komprehensif dan menyeluruh

SOALAN : 54

sebagai satu langkah memperkuuh tadbir urus dan menambah baik sistem kerja penguatkuasaan sedia ada.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI merupakan strategi penguatkuasaan yang komprehensif untuk mengatasi permasalahan kebanjiran PATI di negara ini dengan melibatkan kerjasama secara strategik di antara pelbagai Kementerian dan Agensi. Objektif pelan ini adalah mewujudkan satu ekosistem yang tidak selesa kepada PATI dalam meneruskan kehidupan seharian mereka melalui pendekatan mendaya upaya agensi penguatkuasa dan kawal selia sedia ada termasuk meningkatkan kerjasama strategik dan kesedaran masyarakat setempat. Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini akan menggariskan pelan tindakan atau strategi membanteras PATI berdasarkan lima (5) strategi atau fokus utama iaitu:

- i. Strategi Operasi Penguatkuasaan PATI yang menggariskan pelan pelaksanaan berkaitan operasi penguatkuasaan membanteras PATI di seluruh negara;
- ii. Strategi Perundangan dan Dasar Penguatkuasaan PATI yang menggariskan pelan pelaksanaan penggubalan undang-undang dan penyelarasan dasar berkaitan penguatkuasaan PATI;
- iii. Strategi Kawalan Sempadan dan Pintu Masuk yang menggariskan pelan pelaksanaan pemantauan kawalan keselamatan di sempadan dan pintu masuk negara;
- iv. Strategi Pengurusan Warga Asing yang menggariskan pelan penyelarasan dasar berkaitan warga asing; dan
- v. Strategi Media dan Publisiti yang menggariskan pelan pelaporan media, publisiti dan program kesedaran berkaitan PATI.

Strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini berlunaskan bidang-bidang fokus yang dikenal pasti bersesuaian dengan peranan agensi-agensi yang terlibat dan

SOALAN : 54

dibangunkan bagi memberikan impak signifikan ke arah peningkatan imej penyampaian perkhidmatan awam terutamanya pasukan penguatkuasaan. Sehubungan dengan itu, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan kerjasama agensi penguatkuasa lain terutamanya Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) akan terus menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan warganegara asing. JIM juga turut melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta persatuan penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI dalam menangani masalah PATI secara holistik.

Untuk makluman, JIM telah melaksanakan 7,940 Operasi mulai 1 Januari hingga 4 Jun 2019 yang melibatkan pemeriksaan hampir 100,000 orang warganegara asing. Seramai 23,295 orang PATI dan 605 orang majikan telah diambil tindakan undang-undang. Daripada jumlah tersebut, warganegara Indonesia merupakan PATI yang paling ramai ditangkap iaitu 8,011 (34%) dan diikuti oleh warganegara Bangladesh seramai 5,272 orang (23%) dan bakinya adalah warganegara Myanmar, Filipina, Thailand dan lain-lain. Dalam tempoh 5 bulan (1 Januari hingga 1 Jun 2019) juga, seramai 26,116 orang PATI telah diusir ke negara asal.

Selain itu, dalam tempoh yang sama, seramai 605 orang majikan telah diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Imigresen 1959/63. Majikan yang dikesan menggaji PATI boleh diambil tindakan tegas di bawah Akta Imigresen 1959/63 di mana majikan akan didakwa bagi kesalahan utama di bawah Seksyen 55A untuk membawa masuk PATI secara tidak sah ke dalam negara, Seksyen 55B untuk menggaji PATI yang mengenakan hukuman denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya bagi setiap orang yang diambil bekerja, Seksyen 55E untuk membenarkan PATI masuk dan tinggal di premis dan Seksyen 56(1)(d) untuk kesalahan melindungi PATI. Di samping itu, majikan juga boleh didakwa di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (Pindaan 2010) (ATIPSOM).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 18 JULAI 2019
DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA
KAWASAN : KETEREH

SOALAN NO 55:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Kerajaan berkaitan perang perdagangan Amerika Syarikat-China kepada negara dan bagaimanakah persiapan negara bagi mengatasi kesan yang bakal dihadapi kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Amalan dasar perlindungan yang diamalkan oleh Amerika Syarikat tanpa alasan yang wajar telah mengheret lain-lain negara yang mempunyai kepentingan untuk turut bertindak balas hingga mempengaruhi ekonomi global, terutama kepada negara-negara kecil seperti Malaysia. Kerajaan juga berpandangan bahawa konflik perdagangan yang berterusan boleh menjaskan rantaian nilai global (*global value chain*) serta memberi impak kepada ekonomi dunia pada jangka masa panjang. Amerika Syarikat dan China masing-masing mempunyai "tanggungjawab global" bagi memastikan kepentingan lain-lain negara, khususnya ekonomi kecil di ASEAN, termasuk Malaysia tidak terjejas.

2. Selain daripada itu, semua negara-negara ekonomi adalah sebahagian daripada ekosistem global, oleh itu amalan dasar perlindungan atau 'protectionism' dengan izin tanpa alasan yang wajar perlu dihentikan, dan kedua-dua negara perlu secara aktif mencari penyelesaian yang terbaik secara duahala, serantau ataupun pelbagaihala. Ingin juga ditegaskan

bahawa Amerika Syarikat dan lain-lain negara maju perlu menerima hakikat bahawa negara-negara di Asia mempunyai kapasiti dan kreativiti untuk menghasilkan produk-produk yang berteknologi tinggi dan berdaya saing, serta tidak seharusnya mengancam kemajuan pesaing-pesaing perniagaan.

3. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem perdagangan yang bebas dan terbuka berlandaskan peraturan-peraturan telus, antaranya peraturan di bawah Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (*World Trade Organisation - WTO*). Sehubungan dengan itu, Amerika Syarikat dan China masih merupakan antara rakan dagang penting bagi Malaysia dan syarikat-syarikat dari negara tersebut masih bebas untuk berdagang dengan Malaysia selagi mana ianya berlandaskan peraturan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sepertimana sedia maklum, semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak G20 yang telah berlangsung di Osaka, Jepun pada 28 hingga 29 Jun 2019, Amerika Syarikat telah mengumumkan untuk meneruskan kembali rundingan dengan China serta memutuskan untuk tidak mengenakan sebarang tarif baru ke atas barang yang diimport dari China. Diharap perkembangan ini telah sedikit sebanyak meredakan ketegangan konflik perdagangan tersebut.

5. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, adalah dijangkakan bahawa Malaysia berpotensi mengalami impak tidak langsung berikutan kedudukan Malaysia dalam rantaian nilai global (*global value chain*) bagi produk perantaraan (*intermediate goods*) yang dieksport secara langsung ke Amerika Syarikat atau produk yang dieksport ke Amerika Syarikat melalui China. Berikutan perang perdagangan yang masih berterusan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengurangkan kesan risiko konflik perdagangan antara Amerika Syarikat dan China ke atas perdagangan dan pelaburan Malaysia, antaranya termasuk:

- i) mensasarkan lebih banyak pelaburan yang berkualiti di Malaysia, iaitu pelaburan yang mempunyai nilai tambah tinggi, berorientasikan eksport, pemimpin pasaran (*market leader*), berteknologi seni,

teknologi hijau, teknologi proses atau R&D terkini, kedudukan kewangan yang kukuh serta berjenama global yang berupaya memberi pulangan maksimum kepada pertumbuhan ekonomi negara serta peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat. Antara sumber baru bagi peluang-peluang pelaburan di Malaysia termasuk *Megatrends*, Industri 4.0, Ekonomi Digital dan e-Perdagangan (*e-Commerce*). Kerajaan sentiasa meneruskan usaha untuk menarik pelaburan langsung asing berkualiti tinggi ke Malaysia tanpa mendiskriminasi mana-mana negara, termasuk galakkan berterusan bagi pelaburan domestik;

- ii) program-program promosi perdagangan dan pelaburan akan terus diadakan di bandar-bandar peringkat pertama (*1st tier*), peringkat kedua (*2nd tier*) dan peringkat ketiga (*3rd tier*) di negara rakan dagang utama. Lain-lain program promosi perdagangan akan diteruskan bagi sektor-sektor terpilih termasuk penyertaan dalam pameran antarabangsa, Misi Akselerasi Eksport (*Export Acceleration Mission*), program *In-Store Promotion* dan Misi Perdagangan dan Pelaburan;
- iii) beberapa inisiatif sedang diusahakan bagi membantu syarikat atau pelabur asing mencari pengilang kontrak yang bersesuaian di Malaysia bagi tujuan pengeluaran produk-produk mereka di Malaysia. Selain daripada itu, syarikat-syarikat multinasional yang berpangkalan di Malaysia juga akan dibantu untuk menggantikan import (*import substitution*) melalui *Global Sourcing and Partner Development Programme*; dan
- iv) Lain-lain strategi termasuk:
 - menggalakkan lagi penggantian import (*import substitution*) Amerika Syarikat dengan produk-produk Malaysia;
 - menggalakkan penempatan semula pelaburan (*investment relocation*) syarikat-syarikat sasaran yang terkesan berikutan konflik perdagangan di China ke Malaysia;
 - memudahkan penempatan semula pelaburan dan pengeluaran ke Malaysia bagi syarikat-syarikat besar yang mempunyai operasi

sedia ada di China dan Malaysia;

- memudahkan pengembangan atau pelaburan semula syarikat-syarikat sedia ada yang beroperasi di Malaysia untuk memenuhi peningkatan import oleh Amerika Syarikat; dan
- mengadakan kerjasama dengan Syarikat-Syarikat Milikan Kerajaan China (*PRC State Owned Enterprise*) khususnya syarikat yang mempunyai platform e-Dagang seperti Alibaba, China Post (Guangxi), Qinzhou Free Trade Port Area Management Committee, Bank of China (Malaysia) dan Industrial & Commercial Bank of China (ICBC Malaysia) dengan menganjurkan Program Penyumberan Antarabangsa (*International Sourcing Programme*) ke Malaysia bagi meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia di platform-platform e-Dagang mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Diperingkat Kementerian pula, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga telah mengambil inisiatif bersama agensi-agensi promosi perdagangan dan pelaburan menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas mengenai konflik perdagangan Amerika Syarikat dan China pada Julai 2018 dengan tujuan untuk memantau dan menilai perkembangan konflik perdagangan serta merangka langkah-langkah atau strategi yang bersesuaian bagi mengurangkan impak konflik perdagangan ke atas industri tempatan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 56

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah perancangan yang diambil oleh pihak Kementerian dalam memperkasa bidang pengembangan ilmu melalui aktiviti penterjemahan kitab Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu dan buku rujukan Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa penterjemahan karya, buku atau bahan bacaan memainkan peranan yang besar dalam memperkasa bidang pengembangan ilmu di Malaysia. Terdapat dua jabatan dan agensi yang terlibat secara langsung dalam aktiviti penterjemahan di bawah KPM iaitu Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kedua-dua jabatan dan agensi ini memainkan peranan penting dalam memperkaya dan memperkasa memperkasa kepustakaan berbahasa Melayu dan memartabatkan karya sastera kebangsaan di peringkat antarabangsa melalui penerbitan buku terjemahan dalam pelbagai bahasa dan karya asli dalam bahasa Melayu.

Sehingga Jun 2019, Kementerian melalui ITBM telah menterjemahkan sebanyak 2,137 judul buku pelbagai bahasa dan 1,454 judul daripadanya adalah daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Buku yang diterjemahkan meliputi pelbagai bidang iaitu pendidikan, pengurusan, sastera, teknologi maklumat, sains, matematik, agama, falsafah dan lain-lain. ITBM turut bekerjasama dengan universiti awam (UA) dalam menterjemah dan menerbitkan beberapa judul buku ke dalam bahasa Melayu.

Antara langkah yang dilakukan oleh Kementerian melalui ITBM bagi meningkatkan penerbitan buku terjemahan dalam bahasa Melayu termasuklah:

1. Meneruskan usaha penerbitan buku terjemahan sedia ada ke bahasa Melayu bergantung kepada dana yang diperoleh daripada pelbagai sumber;
2. Meningkatkan usaha sama dengan pelbagai pihak seperti Penerbit Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US) serta badan korporat atau swasta bagi menerbitkan buku terjemahan akademik dan umum dalam bahasa Melayu;
3. Menterjemahkan judul karya besar dunia yang belum diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu;
4. Memperkasakan himpunan penterjemah pakar (*pool*) yang dianggotai oleh pakar daripada universiti dan penterjemah bebas yang berpusat di ITBM;
5. Meningkatkan kerjasama dengan pihak universiti bagi melatih pelajar menjadi penterjemah profesional dari segi penawaran kursus pada peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah.

Selain itu, DBP juga terus merancakkan lagi aktiviti penterjemahan serta menerbitkan buku dwibahasa dan tribahasa. Antara judul kitab berbahasa Arab yang sedang diusahakan untuk diterjemahkan dan diterbitkan dalam bahasa Melayu termasuklah:

1. *Mausu'ah al-Fiqhiyyah* (Ensiklopedia Fiqh) 45 Jilid karya ulama-ulama Kuwait dan
2. *Ta'ammulat fi Surah Yusuf* (Penjelasan tentang Surah Yusuf) karya Sayyid Muhammad Abd al-Razzaq Sayyid Ibrahim al-Tabtaba'i.

Manakala antara judul buku berbahasa Inggeris yang sedang diusahakan untuk diterjemahkan dan diterbitkan dalam bahasa Melayu termasuklah:

1. *Unity and Education in Malaysia* (Perpaduan dan Pendidikan di Malaysia); dan
2. *Fundamentals of Islamic Banking* (Asas-asas Ekonomi Islam).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penerbitan buku terjemahan memerlukan kos yang lebih tinggi berbanding buku karya asli kerana melibatkan bayaran hak cipta dan terjemahan terutamanya apabila buku atau kitab yang melebihi 500 halaman selain akan mengambil masa yang lebih lama untuk diterjemahkan. Justeru, Kementerian sangat mengalu-alukan mana-mana pihak sama ada agensi kerajaan, institusi awam, pihak swasta atau kerajaan negeri untuk menjalinkan kerjasama dalam penerbitan buku terutamanya buku terjemahan agar matlamat untuk memperbanyakkan buku sebagai bahan rujukan dan pemindahan ilmu dapat dimiliki oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih

RJM 131

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD (PARIT SULONG)

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah tahap kesiapsagaan pertahanan negara, kemampuan dan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara dari sebarang pencerobohan dan ancaman serta benarkah dakwaan bahawa pertahanan negara adalah lemah sekiranya dibandingkan dengan negara serantau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan tahap keupayaan dan kesiapsiagaan pertahanan negara sentiasa berada ditahap yang terbaik dalam menghadapi pelbagai bentuk ancaman.

Dakwaan bahawa aset pertahanan negara begitu lemah sehingga tidak berupaya untuk mempertahankan diri sekiranya kedaulatan negara diancam oleh negara asing adalah tidak benar. Melalui indeks yang telah dikeluarkan oleh “*The Global Firepower Index (GFI)-2018*”, ranking atau kedudukan Malaysia berada di kedudukan ke-5 di ASEAN pada tahun 2017 dan tidak berubah pada tahun 2018 jelas menunjukkan bahawa tahap kesiapsiagaan aset pertahanan negara boleh dibanggakan di kalangan negara-negara ASEAN serta mampu untuk mempertahankan kedaulatan negara sekiranya diancam. Disamping itu Malaysia juga mempunyai Kerjasama Pertahanan Lima Negara (Five Power Defence Arrangements - FPDA) sekiranya berlaku sebarang kemungkinan di luar kemampuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).